

ISRA'ILIIYYAT DALAM MANUSKRIP MELAYU: KAJIAN TERHADAP MANUSKRIP HIKAYAT BULAN BERBELAH

Salsabil Haji Mohd Zain¹

Mustaffa Abdullah²

Muhamad Alihanafiah Norasid³

Mohamad Hasbullah Salim⁴

Abstrak

Tradisi keilmuan Islam di tanah Melayu sememangnya begitu signifikan dengan penghasilan manuskrip Melayu berunsur Islam pada bibit-bibit awal perkembangan Islam. Walau bagaimanapun, penghasilan manuskrip Melayu terbabit tidak terlepas daripada unsur-unsur tokoh tambah, mitos, dan lagenda yang sebahagian besarnya tidak selari dengan syariat Islam. Unsur-unsur terbabit justeru dipanggil sebagai Isra'iliyyat. Artikel ini akan membincangkan Isra'iliyyat dalam manuskrip Melayu dengan mengkaji Manuskrip Hikayat Bulan Berbelah sebagai sampel kajian. Daripada penganalisisan 13 riwayat Isra'iliyyat yang terkandung dalam Manuskrip Hikayat Bulan Berbelah tersebut, dapatan kajian memaparkan terdapat tiga riwayat Isra'iliyyat yang bertepatan dengan syariat, tiga riwayat Isra'iliyyat yang bertentangan dengan syariat, dan tujuh riwayat Isra'iliyyat yang didiamkan syariat. Tuntasnya, kajian sebegini sewajarnya diteruskan sebagai satu langkah ke arah pemurnian sumber 'turath' Islam di Malaysia di samping mengetengahkan khazanah ilmu Islam yang amat berguna buat umat Islam yang terkandung di dalam manuskrip-manuskrip Melayu bergenre Islam terbabit.

Pendahuluan

Perkembangan Islam di Alam Melayu telah bermula sekitar abad ke-11 sehingga mencapai kemuncaknya pada abad ke-16. Dengan perkembangan tersebut, maka muncullah karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional atau lebih dikenali sebagai manuskrip Melayu.⁵ Melalui manuskrip Melayu, ajaran-ajaran Islam dapat disebarkan secara meluas. Perkembangan dakwah Islam di tanah Melayu bermula secara lisan, seterusnya ajaran

¹ Sarjana Usuluddin, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

² Sarjana Madya Dr. di Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Sarjana Ijazah Tinggi, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁴ Sarjana Ijazah Tinggi, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁵ Mat Piah et al. (2000), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Edisi Kedua, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.